



KENYATAAN MEDIA

JAS PERKASA PEMATUHAN, BUDAYA KELESTARIAN DAN TADBIR URUS ALAM SEKITAR

Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2026 Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di Melaka hari ini memperkukuh komitmen Kerajaan dalam memastikan agenda kelestarian alam sekitar diterjemahkan melalui penyampaian perkhidmatan yang cekap, pematuhan perundangan, pendidikan alam sekitar dan penglibatan bersama seluruh lapisan masyarakat.

Majlis perasmian sambutan telah disempurnakan bersama oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka, dan YB Dato' Sri Arthur Joseph Kurup, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam. Turut mengiringi ialah YB Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YBhg. Datuk Wira Anis Rizana Mohd Zainuddin, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES); YB Datuk Wira Salhah binti Salleh, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka; YB Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin, EXCO Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana; YB Datuk Zulkiflee bin Datuk Seri Mohd Zain, Timbalan EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana; serta YBrs. Puan Hajah Azuri Azizah Haji Saedon, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Penganjuran HASN 2026 di Negeri Melaka mencerminkan kesepaduan komitmen Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam memperkukuh usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, di samping menggalakkan pelaksanaan inisiatif kelestarian yang memberikan manfaat secara langsung kepada masyarakat.

Selaras dengan tema "Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama", sambutan ini menekankan bahawa perlindungan alam sekitar memerlukan tindakan bersepadu dan berterusan melalui kerjasama Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT), sektor industri, institusi pendidikan, komuniti dan orang awam.

PEMBAYARAN KOMPAUN MELALUI i-PAYMENT PERKUKUH PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Tahun ini juga JAS telah melancarkan pembayaran kompaun secara dalam talian melalui sistem i-Payment, hasil kerjasama strategik antara Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

YB Dato' Sri Arthur Joseph Kurup berkata, pelaksanaan i-Payment merupakan langkah pendigitalan perkhidmatan awam yang bertujuan memudahkan urusan orang awam dan pihak industri, khususnya dalam melaksanakan tanggungjawab berkaitan pematuhan perundangan alam sekitar.

“Pendigitalan bukan sekadar memindahkan urusan daripada kaunter kepada platform dalam talian. Sebaliknya, ia merupakan usaha untuk memastikan perkhidmatan kerajaan lebih mudah dicapai, cekap dan responsif terhadap keperluan rakyat. Dalam konteks JAS, kemudahan pembayaran kompaun secara dalam talian ini melengkapkan usaha penguatkuasaan dengan menyediakan saluran penyelesaian yang lebih mudah dan tersusun, tanpa menjejaskan keperluan untuk memastikan pematuhan terhadap perundangan alam sekitar terus diperkukuh,” katanya.

Bersempena HASN 2026, Kerajaan menawarkan pengurangan sebanyak RM100 bagi setiap bayaran kompaun yang dilunaskan melalui sistem i-Payment mulai 21 September hingga 30 November 2026, tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan.

Tawaran tersebut merupakan sebahagian daripada tempoh transisi sebelum pelaksanaan pembayaran kompaun JAS secara dalam talian melalui i-Payment berkuat kuasa sepenuhnya mulai 1 Disember 2026.

Sehubungan itu, individu dan pihak industri yang mempunyai kompaun tertunggak diseru memanfaatkan kemudahan yang disediakan bagi menyelesaikan tanggungjawab masing-masing melalui saluran pembayaran yang lebih mudah dan cekap. YB Menteri turut menegaskan bahawa kemudahan pendigitalan perkhidmatan perlu dilaksanakan seiring dengan pendekatan penguatkuasaan yang konsisten bagi memastikan pematuhan terhadap perundangan alam sekitar terus diberi keutamaan.

SLAAS PERKASA PENDIDIKAN DAN PEMBUDAYAAN KELESTARIAN

Selain memperkukuh pematuhan melalui penyampaian perkhidmatan, NRES melalui JAS turut memberi penekanan kepada pendidikan alam sekitar sebagai asas pembentukan kesedaran, nilai dan amalan lestari sejak peringkat awal.

Sehubungan itu, Program Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) terus diperkasakan sebagai platform pendidikan yang menggalakkan pembudayaan kelestarian dalam ekosistem sekolah melalui penglibatan warga sekolah, pengurusan sumber secara bertanggungjawab dan pelaksanaan amalan mesra alam.

Pendekatan ini penting bagi membentuk generasi yang mempunyai pengetahuan serta kesedaran terhadap tanggungjawab memelihara alam sekitar, di samping mendorong penerapan amalan lestari dalam kehidupan seharian.

Menurut YB Menteri, pendidikan alam sekitar yang dilaksanakan secara berterusan perlu disokong oleh kerjasama ibu bapa, pendidik, komuniti dan pelbagai pihak berkepentingan supaya nilai kelestarian yang diterapkan di sekolah dapat diperluas kepada keluarga dan masyarakat.

Usaha membudayakan kelestarian melalui pendidikan juga melengkapi pelaksanaan penguatkuasaan dan pencegahan pencemaran dengan memberikan penekanan kepada pembentukan sikap serta perubahan tingkah laku dalam jangka panjang.

KELESTARIAN ALAM SEKITAR MEMERLUKAN TINDAKAN BERSEPADU

Inisiatif pendigitalan pembayaran kompaun melalui i-Payment dan pengukuhan pendidikan alam sekitar melalui SLAAS mencerminkan pendekatan bersepadu NRES dan JAS dalam memperkukuh tadbir urus alam sekitar negara.

Pendekatan ini menghubungkan kecekapan penyampaian perkhidmatan dengan pembentukan kesedaran serta amalan lestari, sekali gus menyokong usaha memperkukuh pematuhan dan pencegahan pencemaran secara berterusan. NRES melalui JAS akan terus memperkukuh kerjasama strategik dengan agensi Kerajaan, institusi pendidikan, sektor industri, PBT dan komuniti dalam memastikan agenda perlindungan alam sekitar dilaksanakan secara menyeluruh, berkesan dan berorientasikan kepentingan rakyat.

“Kelestarian alam sekitar memerlukan tindakan yang konsisten dan komitmen bersama. Setiap pihak mempunyai peranan dalam memastikan alam sekitar terus dipelihara, bukan sahaja untuk keperluan semasa, tetapi juga demi kesejahteraan generasi akan datang,” katanya.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
21 SEPTEMBER 2026



Lampiran 1

Pemenang Bagi Sesi 2025/2026, Anugerah Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar
Peringkat Kebangsaan:

1. Kategori Sekolah Menengah

Sekolah Menengah Holy Trinity, Tawau, Sabah

2. Kategori Sekolah Rendah

Sekolah Kebangsaan Bandar Rinching, Semenyih, Selangor

Setiap penerima menerima wang tunai **RM10,000.00** sebuah piala serta sijil penghargaan.

Sebagai penghargaan khas sempena Melaka menjadi tuan rumah HASN 2026 Peringkat Kebangsaan, Anugerah Khas **Sekolah Harapan, Peringkat Kebangsaan, Sesi 2025/2026** turut diberikan kepada:

1. Sekolah Menengah

Sekolah Menengah Kebangsaan Durian Tunggal, Alor Gajah, Melaka, bagi kategori sekolah menengah; dan

2. Sekolah Rendah

Sekolah Rendah Arab Merlimau Pasir, Merlimau, Melaka, bagi kategori sekolah rendah.